

Bagaimana Ekonomi MADANI bakal menjaga kepentingan semua

Pelbagai inisiatif disepakati kerajaan, pemegang taruh tingkat kualiti hidup rakyat

Ketika melancarkan inisiatif Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat pada 27 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada awal ucapannya, memetik ayat tercatat dalam warkah diutuskan Saidina Ali Bin Abi Talib kepada Gabenor Mesir, Malik Bin Al-Haris Al-Ashtar.

Dalam warkah berkenaan yang diutus sempena pelantikan Malik sebagai Gabenor Mesir, Saidina Ali antara lain menitikkan pesanan dan peringatan mengenai tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat serta nasihat supaya mengagal dengan amanah dan adil.

Maksud pesanan itu ialah buatlah sesuatu itu tepat pada masanya dan kena pada tempatnya. Apabila kata sepakat sudah dicapai, janganlah cuba menyuarakan pendapat peribadi dan jangan lalai melaksanakan kewajipan harus dipikul kerana orang ramai akan sentiasa memerhatikan dan kamu bertanggungjawab terhadap segala-gala dilakukan untuk rakyat.

Mesej sama turut disampaikan, Anwar di Masjid Putra, Putrajaya pada 31 Disember 2022 dalam Amanat Khas Tahun Baharu 2023. Ia diulangi lagi beliau ketika mengumumkan inisiatif dirangka Kerajaan Perpaduan dalam usaha menstruktur semula ekonomi negara ke arah menjadikan Malaysia, peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat.

Pelancaran kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat diangkat hasil perbincangan pelbagai pihak, pakar ekonomi, perancang, penjawat awam dan diperkemas setelah mendapat pandangan golongan pekerja, petani, wanita, peneroka dan belia melalui siri wacana dan hasil pertemuan dengan rakyat di masjid, warung dan kampus universiti.

Ikhtiar terbaharu ini segera dilancarkan ketika negara terpeperangkap dalam kitaran ekonomi yang disifatkan Perdana Menteri sebagai berbahaya, iaitu meliputi kos sara hidup makin tinggi, gaji dan keuntungan pula rendah serta kurang nilai daya saing.

Menggariskan dua fokus utama, Ekonomi MADANI bertujuan menstruktur semula ekonomi



Anwar berucap pada Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bukit Kiara, 27 Julai lalu.

agar Malaysia kembali menjadi peneraju ekonomi Asia dan kualiti hidup rakyat terus diangkat melalui peningkatan pamacuan ekonomi, menggalakkan pelaburan dan memperkukuh industri tempatan supaya lebih inovatif dan berdaya saing.

Peningkatan kualiti hidup dirangka melalui usaha memperkasakan semua rakyat bagi membina Malaysia lebih baik untuk rakyat hari ini dan pada masa depan.

Kecapi pembangunan ekonomi secara saksama

Bantuan serta dukungan yang akan disediakan kerajaan kepada golongan memerlukan, sekali gus menyaksikan segenap lapisan rakyat mampu mengecap nikmat pembangunan ekonomi negara secara saksama.

Tekad kerajaan itu diberikan fokus umpama 'menaikkan siling' dan 'menaikkan lantai', dua komponen penting dalam sebuah rumah yang diubah menjadi lambang wawasan holistik Kerajaan Perpaduan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi negara. Pada masa sama, mengangkat martabat hidup rakyatnya.

Dalam aspek 'menaikkan siling', tumpuannya bagi mereformasi dan menstruktur semula ekonomi agar dapat mengecapi lebih kekayaan, antara lain dengan menganjakkan kepada ekonomi lebih global dan kompleks bagi menjadikan Malaysia hab serantau, selain mencipta lebih banyak kejayaan sebagai juara rantauan sambil menjamin sekuriti dan kemampuan model ekonomi kita.

Sisi 'menaikkan lantai' pula bertumpu kepada rakyat dengan memastikan kekayaan dikecapi dapat dikongsi bersama, termasuk mewujudkan pekerjaan yang memberi taraf hidup bermakna.

Ia juga memberi peluang yang adil untuk semua lapisan masyarakat menggapai kejayaan dan menikmati perkhidmatan



bertaraf dunia.

Bagi merealisasikan wawasan Ekonomi MADANI yang akan dibina berasaskan nilai MADANI, ia memerlukan penggembengan seluruh rakyat Malaysia mendukung tujuh penanda aras yang ditetapkan sebagai sasaran jangka masa sederhana.

Pertama ialah membawa Malaysia ke tahap kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia.

Penanda aras kedua adalah bagi mencapai Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia, diikuti sasaran agar peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan, melebihi sasaran 40 peratus ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menjelang 2025.

Penanda aras keempat ialah melihat kadar penyertaan wanita dalam sektor tenaga buruh mencapai 60 peratus, manakala Indeks Pembangunan Manusia ingin dilonjakkan ke tangga 25 teratas dunia dan Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia. Ia diikuti penanda aras ketujuh, mencapai kemampuan fiskal dengan defisit fiskal mencapai tiga peratus atau lebih rendah.

Beberapa dasar jangka panjang dan sederhana juga dirangka untuk menyambung laluan pertumbuhan Malaysia. Antaranya, kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) akan melabur RM1 bilion dana tambahan secara padanan dengan dana swasta bagi menyokong syarikat pemula tempatan dan mendorong teknopreneur.

Ikhtiar seterusnya ialah menambah baik skim pinjaman di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dengan me-

nyediakan peruntukan mencecah RM5 bilion untuk jaminan pembiayaan sehingga 120 peratus daripada harga rumah bernilai sehingga RM300,000.

Ini membolehkan semua kos pemilikan rumah ditampung melalui pinjaman, termasuk pembiayaan pokok, yuran guaman, yuran penilaian, insurans, pembelian perabot dan kos ubah suai.

Selain itu, peruntukan tambahan RM400 juta disediakan untuk skim pinjaman mikro di bawah agensi, termasuk SME Corp, TEKUN, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Teraju. Malah, kerajaan juga bersetuju menyediakan dana sekitar RM1 bilion untuk inisiatif kredit e-tunai RM100 kepada semua rakyat dewasa Malaysia berpendapatan RM100,000 setahun dan ke bawah yang memanfaatkan lebih 10 juta rakyat kalangan B40 dan M40.

Gaji bermaruah, munasabah

Kerajaan juga menyasarkan menambah pekerjaan dengan gaji bermaruah dan munasabah, melaksana dasar untuk meningkatkan kadar upah yang selaras tahap negara, mengkaji semula paras gaji minimum, memperkenalkan undang-undang bagi menjamin persekitaran kerja serta pelaksanaan levi pekerja asing secara berperingkat untuk mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing kurang mahir.

Kesaksamaan peluang diwujudkan tanpa mengira jantina, kaum atau latar belakang dengan mengutamakan golongan berpendapatan rendah dalam pemberian biasiswa dan pendidikan berasrama penuh, mengukuhkan nilai rantaian ekonomi negeri berdasarkan tumpuan sektor masing-masing, meningkatkan daya huni dan kemampuan bandar, memperbaiki aspek perundangan dan kawal selia serta program sokongan bagi menaikkan penyertaan buruh wanita.

Pelbagai lagi inisiatif disepa-

kati kerajaan dan pemegang taruh, termasuk mewujudkan jaringan perlindungan sosial untuk semua, termasuk melalui Insurans Sosial untuk memanfaatkan lebih 40 peratus tenaga buruh sektor formal dan tidak formal yang tidak mendapat perlindungan untuk simpanan persaraan sewajarnya. Di samping, memastikan tahap simpanan persaraan mencukupi dan menerus serta menguatkan lagi jaringan keselamatan sosial rakyat.

Reformasi perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sumber manusia turut diberi perhatian, selain usaha memampatkan sektor kesihatan berdasarkan garis panduan Kertas Putih Kesihatan, merawat pesakit berkonsepkan pencegahan.

Turut diberi tumpuan ialah kemudahan pengangkutan awam melalui perancangan menyatukan pengurusan pengangkutan awam darat untuk mengoptimalkan semua aset sedia ada dan menambah baik isu jaringan terakhir, selain kemudahan asas dengan menyelesaikan akses bekalan air di Sabah dan Kelantan.

Bagi membantu rakyat memiliki kediaman sendiri, kerangka Ekonomi MADANI menetapkan sasaran perumahan mampu milik untuk semua, mengusahakan Pelan Tindakan Perumahan Negara yang antaranya merangkumi keperluan bekalan rumah berpandukan metrik seperti catuan harga rumah median untuk pendapatan median. Penyediaan perumahan awam pula diteruskan disamping merencanakan pasaran sewa sebagai usaha memenuhi keperluan perumahan.

Bagi mencapai lonjakan 'siling' negara, usaha memajukan ekonomi Malaysia diteruskan selaras objektif menjadikan negara kita peneraju ekonomi Asia.

Garis panduan yang mengandungi tujuh tumpuan diketengahkan, merangkumi topik agenda serantau (ASEAN), aspek pelaburan, meluaskan pasaran dan potensi perniagaan tempatan, peneraju ekonomi Islam bersama usaha merancakkan usahawan mikro dan sektor tidak formal, melonjakkan pertumbuhan hijau demi pertahanan iklim, selain aspek penggunaan tanah dan keterjaminan makanan.

Realistiknya, dasar dan penanda aras utama sebagai sasaran jangka sederhana dan panjang untuk menyambung trajektori pertumbuhan Malaysia dalam Ekonomi MADANI boleh dicapai melalui kerjasama semua Kementerian melalui kerangka khusus, termasuk Pelan Induk Perindustrian, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional Malaysia dan Kajian Separuh Penggal RMK12.